

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PULAU PINANG KAMPUS BERTAM**

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan **Tetap** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang**.

**A. JAWATAN PENTADBIRAN**

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>					
1.	Penolong Pegawai Farmasi	U29	Penolong Pegawai Farmasi	RM 1,797.00	RM 5,753.00

**PENOLONG PEGAWAI FARMASI (U29)**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) Diploma dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

1. Permohonan daripada mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun **MESTILAH MELALUI KETUA JABATAN** dan hendaklah disertakan dengan **SALINAN KENYATAAN PERKHIDMATAN YANG DIKEMAS KINI**.
2. Setiap permohonan **MESTILAH** disertakan dengan **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**:
  - Kad Pengenalan
  - Sijil Kelahiran pemohon, ibu dan bapa
  - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
  - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji

- Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/ separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
  - Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi tiga (3) tahun berturut-turut (penjawat awam)
  - Laporan Rujukan (bukan penjawat awam bagi permohonan jawatan Gred 41 dan ke atas Pengurusan & Profesional borang seperti dilampiran 1)
3. Nama jawatan, bidang dan fakulti yang dipohon hendaklah dinyatakan di penjurong atas sebelah kiri sampul surat permohonan.
  4. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan / badan berkanun / separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan tidak akan diproses.
  5. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
  6. Pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.
  7. Pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang.

#### CARA- CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Seorang pemohon hanya boleh memohon untuk **SATU** jawatan yang diiklankan sahaja.
- (b) Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan UiTM yang boleh didapati dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Pulau Pinang <https://penang.uitm.edu.my/bertam/>.
- (c) Tarikh tutup permohonan adalah pada **17 Ogos 2023 (Khamis)**.
- (d) Sila kemukakan permohonan kepada:



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

PENOLONG PENDAFTAR KANAN  
BAHAGIAN PENTADBIRAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS BERTAM  
13200 KEPALA BATAS  
PULAU PINANG

NO. TEL: (04) 562 3454/562 3455/563 3430

Tarikh iklan: 03 Ogos 2023 (Khamis)